

SIARAN AKHBAR

HASIL USAHASAMA UMS DAN CYBERSECURITY MALAYSIA WUJUDKAN KLINIK KESELAMATAN SIBER PERTAMA DI BORNEO

KOTA KINABALU, 25 FEBRUARI 2018 : Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) bersama Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui agensinya, CyberSecurity Malaysia (CSM) telah menandatangani memorandum perjanjian (MoA) untuk berkolaborasi mewujudkan Klinik Keselamatan Siber hari ini.

Majlis menandatangani MoA tersebut berlangsung di sebuah hotel di Bandaraya Kota Kinabalu yang menyaksikan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin menandatangani bagi pihak UMS sementara CSM diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab dan disaksikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau.

Klinik Keselamatan Siber yang kini dalam proses pembangunan di FKI merupakan satu inisiatif dari UMS untuk menyediakan satu perkhidmatan forensik digital yang mudah serta dipercayai.

Objektif utama diwujudkan Klinik Keselamatan Siber adalah untuk membantu mereka yang memerlukan pembaikpulihan maklumat aset atau data daripada pemacu keras yang telah rosak.

Antara perkhidmatan yang akan ditawarkan seperti pemulihan data, sanitasi data dan perkhidmatan konsultansi bukan sahaja kepada agensi kerajaan, malahan syarikat swasta dan orang awam.

Inisiatif ini yang dilaksanakan di bawah program Pembangunan Usahawan MyCyberSecurity Clinic (MyCSC) merupakan satu program perkembangan cawangan MyCSC yang telah dibangunkan oleh pihak CyberSecurity Malaysia.

Program ini bermatlamat untuk menyemarakkan pembangunan keusahawanan khusus dalam bidang keselamatan siber di seluruh Malaysia.

Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata, Klinik Keselamatan Siber akan menyediakan platform bagi seluruh rakyat Sabah amnya dan warga UMS khasnya untuk mendapatkan bantuan dan khidmat dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan perkhidmatan forensik digital dan perkhidmatan berkaitan ICT daripada sumber yang dipercayai dengan kos yang sangat kompetitif.

"Klinik ini juga merupakan klinik siber yang pertama seumpamanya di Borneo. Secara tidak langsung, ia juga memberi peluang kepada para pelajar UMS untuk memanfaatkan perkhidmatan yang disediakan selain memberi pendedahan kepada bidang kerjaya yang berkaitan dengan forensik digital.

“Melalui klinik ini, ia juga menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam bidang berkaitan dengan keselamatan siber dengan memberikan pendedahan secara praktikal kepada para pelajar dan seterusnya menjadikan UMS sebagai universiti awam pertama di Malaysia yang mempunyai program seumpama ini,” katanya.

Tambah beliau lagi, inisiatif ini juga dilihat sebagai salah satu usaha universiti mempelbagaikan sumber penjana pendapatanannya.

“Selari dengan hasrat UMS ke arah transformasi Universiti Industri 4.0, inisiatif ini juga akan memberi pendedahan kepada penyelidik tentang potensi penyelidikan berkaitan dengan keselamatan siber yang mana potensi kajian kes dan data-data penyelidikan boleh diperolehi dengan lebih mudah.

“Saya percaya, pelbagai bentuk kerjasama boleh dijalinan pada masa hadapan bersama CSM untuk merealisasikan hasrat UMS ke arah Universiti Industri 4.0,” katanya lagi.

Dalam pada itu, Dato’ Dr. Hj. Amirudin Abdul Wahab berkata, Klinik Keselamatan Siber merupakan inisiatif CSM yang dibangunkan khusus sebagai ‘touch point’ kepada pengguna internet di Malaysia sama ada individu, agensi dan jabatan kerajaan, agensi swasta dan para usahawan kecil dan sederhana.

“Mereka juga boleh mendapatkan perkhidmatan berkaitan keselamatan siber serta bantuan kecemasan siber seperti melaporkan insiden serta ancaman keselamatan siber dengan lebih mudah,” katanya yang turut berterima kasih dengan UMS yang sangat komited mewujudkan Klinik Keselamatan Siber di Sabah.

“Saya berharap agar kerjasama ini dapat melestarikan bidang keselamatan siber di Malaysia, khususnya di negeri Sabah,” katanya lagi.

Klinik Keselamatan Siber ini dijangka akan mula beroperasi pada 15 April 2018.

~TAMAT~